

WAN SHAWALUDDIN WAN HASSAN
ZAINI OTHMAN

Ketidakstabilan Negara Jiran dan Kesannya kepada Keselamatan Malaysia

ABSTRACT

Religious and ethnic conflict, secession movements as well as economic downturn are among the many causes that could destabilize a country. Such incapability on the part of the government could in turn leave an impact on neighboring countries. In this context, Malaysia is, however, one of the nation-state that has a good development economically and stable condition politically since 1980s. On the contrary, instabilities in neighboring countries will give impact to Malaysia as a nation-state. By applying weak state concept, this article intends to discuss the development in neighboring nation-state i.e. Indonesia, Thailand and the Philippines and how it could threaten Malaysia's security. In this article, "weak state" refers to the failure of those in power to provide to its people security from threat domestically or internationally, political institutions, social as well as economic facilities. Instability in one country will have spill over effects on neighboring countries in Southeast Asia region. This article also found that failures in neighboring countries government in Southeast Asia region to deal political, economic and social issues had indeed left an impact to Malaysia's security.

Key words: *weak state, political instability, neighboring countries, and Malaysia's development and security.*



Wan Shawaluddin Wan Hassan ialah Pensyarah Kanan di Program Hubungan Antarabangsa, Sekolah Sains Sosial UMS (Universiti Malaysia Sabah). Beliau dilahirkan di Kota Bharu, Kelantan, pada 28 Jun 1960. Memperolehi ijazah pertama dalam bidang sejarah dari UM (Universiti Malaya) pada tahun 1985; ijazah Sarjana dari Lancaster University (1991) dalam bidang International Relations & Strategic Studies. Bidang penyelidikan beliau ialah dasar luar Malaysia, keselamatan dan migrasi. Hasil karya beliau, di antaranya, adalah: "Malaysia-United States Relations in the 1990s" dalam *Jurnal Kinabalu*, Bil.11 (2005) ditulis bersama Diana Peters. Alamat e-mail beliau adalah: wshawal@yahoo.com



Zaini Othman, M.A. ialah Pensyarah Hubungan Antarabangsa di Sekolah Sains Sosial UMS. Beliau dilahirkan di Pasir Mas, Kelantan pada 27hb April 1967. Memperolehi ijazah pertama dalam bidang Sains Politik dari UKM (Universiti Kebangsaan Malaysia) Bangi, pada tahun 1991; dan ijazah Sarjana (M.A.) dari University of Manchester, United Kingdom (1993-1995) dalam jurusan Pembangunan Politik & Ekonomi Politik Antarabangsa. Antara hasil penulisan beliau ialah *Demokrasi, Kepimpinan & Keselamatan dalam Politik Malaysia* (Bangi: Penerbit UKM, 2006). Bersabit kepentingan akademik, beliau boleh dihubungi dengan alamat e-mail: znothman@yahoo.com

PENDAHULUAN

Menjadi lumrah apabila memperkatakan ancaman terhadap keselamatan sesebuah negara maka ancaman yang datang dari negara jiran sering diperkatakan. Kebiasaannya, sarjana menyentuh ancaman militer negara jiran terhadap kelangsungan sesebuah negara (Jackson, 2007). Malah pemodenan serta penaikan taraf militer sesebuah negara mampu mencetuskan perlumbaan senjata yang seterusnya menjurus kepada konflik sebagaimana yang pernah mencetuskan Perang Dunia I (1914-1918).

Tidak kurang penting dalam hal ini ialah ketidakstabilan negara jiran yang seterusnya menyebabkan *spill-over* atau kesan limpahan ke jiran sebelahnya. Ketidakstabilan yang dimaksudkan dalam konteks perbincangan kertas kerja ini meliputi ekonomi, politik dan sosial. Misalnya gerakan pemisah di sebuah negara akan menjadi lebih kronik apabila etnik yang mahu memisahkan diri dari sebuah nasion merupakan majoriti di negara jiran, sebagaimana yang dialami oleh India dalam kes Tamil di Sri Lanka. Ketidakstabilan ekonomi yang dialami sebuah negara akan menyebabkan rakyat berhijrah ke negara jiran bagi memenuhi keperluan hidup.

Di Barat akhir-akhir ini konsep *weak state* atau negara lemah kini semakin diperkatakan. Apatah lagi selepas peristiwa 11 September, aktor bukan negara telah mengambil peluang daripada kewujudan negara lemah untuk melancarkan agenda mereka. Nama negara-negara seperti Afghanistan, Yemen, Iraq, Nepal, Pakistan, Indonesia, Myanmar dan sebagainya semakin menjadi relevan apabila membincangkan konsep ini. Lebih menarik kerana konsep “negara lemah” ini dilihat sebagai boleh memberikan ancaman kepada keselamatan Amerika Syarikat. Eizenstat *et al.*, Fearon & Laitin, Rotberg, Ayoob dan Patrick merupakan antara sarjana yang telah menulis mengenai konsep *weak state* ini (Rotberg, 2005).

Kertas kerja ini cuba membincangkan bagaimana ketidakstabilan politik di negara jiran kepada keselamatan Malaysia. Malaysia berjiran dengan lima buah negara iaitu Indonesia, Thailand, Filipina, Brunei Darussalam dan Singapura. Kertas kerja ini akan membincangkan Indonesia, Thailand dan Filipina, khususnya ketidakstabilan yang berlaku di negara-negara ini. Kertas kerja ini terbahagi kepada beberapa bahagian. Bahagian pertama akan membincangkan parameter mengenai konsep *weak state* serta bezanya dengan *failed state* serta *collapsed state*, sebagaimana yang telah diperdebatkan oleh para ilmuan kajian hubungan antarabangsa. Bahagian kedua akan menumpukan perbincangan kepada Indonesia, Thailand dan Filipina; dan bahagian akhir akan merumuskan apakah kesan *weak state* terhadap keselamatan Malaysia.

WEAK STATE: DISKUSI KONSEPTUAL

Apakah yang dimaksudkan dengan *weak state*? Robert I. Rotberg menjelaskan bahawa *weak state* adalah negara yang sememangnya lemah kerana geografi, konstren fizikal atau ekonomi; atau situasi lemah kerana antagonis

dalamannya, tamak atau despotik (Rotberg, 2005). Secara lazimnya, negara lemah membenihkan ketegangan etnik, agama, linguistik atau lain-lain. Dan di satu tahap akan membawa kepada konflik menyeluruh di antara pesaing antagonis. Keupayaan kepimpinan politik negara lemah untuk menyediakan prasarana sosio-politik seperti rangkaian infrastruktur fizikal, kemudahan pendidikan seperti sekolah dan hospital adalah begitu lemah sekali. KDNK per kapita negara dan indikator-indikator yang berkait rapat tidak menunjukkan negara tersebut mampu membangunkan ekonomi mereka. Manakala tahap rasuah cukup tinggi dan meningkat. Peraturan undang-undang sering dilanggar. Masyarakat sivil diancam dan disekat perkembangannya (Rotberg, 2005). Ringkasnya, negara lemah adalah negara yang tidak dapat menyediakan kepada rakyat, sama ada daripada dalam mahupun luar dari segi keselamatan, institusi politik, sektor ekonomi ataupun dari segi sosial.

Hal ini berbeza dengan negara kuat atau *strong state* yang menguasai wilayah serta memenuhi keperluan politik warganya. Negara ini juga dari segi prestasi memenuhi indikator seperti KDNK per kapita, indeks pembangunan manusia UNDP, indeks Persepsi Korupsi Transparensi Antarabangsa dan *Freedom World Report* oleh *Freedom House*.

Namun apa yang ditakuti ialah kesan *spill-over* atau limpahan apa yang berlaku di sebuah negara nanti akan memberikan kesan kepada negara lain. Amerika Syarikat melihat *weak states* dalam konteks ini, iaitu peristiwa 11 September berpunca daripada *weak state* yang kemudian membenih dan akhirnya sampai ke perairan Amerika Syarikat, sesuatu yang tidak pernah diduga langsung oleh mereka. Dalam hal ini perkara yang sama juga boleh berlaku kepada negara lain jika negara lemah ini tidak ditangani dengan betul. Contoh negara lemah ialah Iraq di bawah Saddam Hussein, Belarus, Turkmenistan, Libya dan Korea Utara.

Negara lemah akan menjurus kepada *failed state*. Menurut Robert I. Rotberg lagi:

Failed states provide only very limited quantities of essential political goods. They progressively forfeit their role as the preferred national suppliers of political goods to upstart warlords and other non-state actors. A failed state is a hollow polity that is no longer willing or able to perform the fundamental tasks of a nation-state in the modern world. Their institutions are flawed. If legislatures exist at all, they ratify the decisions of a strong executive. Democratic debate is absent. The judiciary is derivative of the executive rather than being independent [...] Citizens know that they cannot rely on the court system [...] threaten the residents of the central cities, and overwhelmed demoralized government contingents (Rotberg, 2003).

Contoh negara *failed state* seperti ini ialah Liberia, Nepal, Congo, Sierra Leone dan Cote d'Ivoire. Manakala *collapsed state* pula jarang berlaku dan merupakan versi paling *extreme* berkenaan klasifikasi *failed state*. Lebanon, Afghanistan dan Tajikistan merupakan di antara negara yang pernah dianggap *collapsed state*, tetapi telah berjaya keluar dari status tersebut.

Persoalannya apakah kerangka *weak state* yang telah dibincangkan di atas sesuai untuk dilabelkan kepada ketiga-tiga buah negara jiran kita, iaitu Indonesia, Thailand dan Filipina? Ternyata ketiga-tiga buah negara ini mempunyai kriteria “negara lemah”, sebagaimana yang telah dikemukakan di atas. Dan lebih signifikan kerana kesan limpahan daripada ketidakstabilan yang berlaku yang boleh mengancam keselamatan negara Malaysia jika perhatian serius tidak diberikan.

INDONESIA

Entiti politik Indonesia yang terdiri daripada 17,508 pulau ini mempunyai wilayah sepanjang 1,782 km; bersempadan dengan Malaysia; mempunyai anggaran seramai lebih 234,693,000 penduduk sehingga Julai 2007. Sejak 1998, Indonesia telah mengamalkan demokrasi sepenuhnya dengan kejatuhan regim Soeharto. Kerajaan Orde Baru Soeharto (1965-1998) berjaya menggunakan pihak militer atau ABRI/TNI (Angkatan Bersenjata Republik Indonesia/Tentara Nasional Indonesia) dalam memastikan seluruh wilayah tunduk kepada Jakarta (Ricklefs, 2001). Namun tidak sebagaimana regim Soeharto, yang mampu untuk mengekalkan integrasi politik Indonesia serta kemakmuran ekonomi, Presiden Susilo Bambang Yudoyono (SBY) sekarang ini masih lagi terkial-kial untuk membentuk Indonesia yang mantap. Apatah lagi Indonesia masih belum sepenuhnya pulih kesan krisis ekonomi Asia tahun 1997, biarpun setelah sedekad berlalu. Misalnya pihak CIA (*Central Intelligence Agency*) dari Amerika Syarikat menjelaskan seperti berikut:

Indonesia, a vast polyglot nation, has struggled to overcome the Asian financial crisis and still grapples with persistent poverty and unemployment, inadequate infrastructure, endemic corruption, a fragile banking sector, a poor investment climate and unequal resource distribution among regions (dalam rencana “Indonesia”, available at <http://www.adb.org/tsunami/ind-damage.asp>, 1/11/2007).

Berhadapan dengan masalah seperti kadar pengangguran (12.5%) dan kemiskinan (17.8%) yang tinggi, misalnya, bukan sesuatu yang mudah ditangani oleh pemerintah. Hal ini diburukkan lagi oleh kadar korupsi yang kronik dalam sistem birokrasi negara. Indonesia disenaraikan sebagai negara ke-137 dari 158 buah negara dalam Indeks Persepsi Rasuah oleh *Transparency International* (U.S. Chamber of Commerce, 2007). Sistem perbankan yang rapuh serta iklim pelaburan yang kurang menarik mampu mengurangkan minat pelabur asing untuk membuat pelaburan di negara yang kaya dari segi sumber ini.

Pelabur juga tidak berminat membuat pelaburan di Indonesia kerana masalah keselamatan serta kesukaran birokrasi (U.S. Chamber of Commerce, 2007). Biarpun pelabur Malaysia merupakan yang terbesar dengan sejumlah USD 2.6 bilion (2006), barang diingat ianya kebanyakan dalam sektor perladangan (Wong, 2007). Sekiranya Jakarta gagal menarik pelabur asing ke Indonesia, hal ini sudah tentu memberikan kesan ke atas ekonominya yang

sudah rapuh kerana peluang pekerjaan sukar diwujudkan dan pembangunan infrastruktur tidak dapat dibangunkan. Kesan kenaikan harga minyak dunia turut memberi tekanan terhadap pemerintah yang mahu menghentikan subsidi yang diberikan selama ini boleh sahaja mengakibatkan demonstrasi. Malah Indonesia mempunyai hutang luar sebanyak USD 67 bilion, suatu jumlah yang besar.

Melihatkan kepada sektor ekonomi yang rapuh ini sudah tentu menakutkan jika tidak ditangani dengan betul. Krisis ekonomi 1997 masih segar lagi dalam ingatan, meskipun sedekad telah berlalu. Ketika krisis pernah menyaksikan nilai matawang Rupiah jatuh teruk kepada 17,000 Rupiah berbanding USD 1 pada tahun 1998. Krisis juga telah mengakibatkan konflik etnik di Poso (Noorhaidi, 2005) atau di Ambon (Schulze, 2002). Malah di Jakarta menyaksikan Peristiwa 13 dan 14 Mei 1998 apabila penduduk pribumi yang miskin menjadikan penduduk Cina yang kaya sebagai sasaran. Seramai 1,000 telah terbunuh dalam insiden tiga hari serta 150 lagi kebanyakannya wanita Cina telah dirogol. Insiden yang menakutkan penduduk Cina itu telah menyebabkan di antara USD 40 bilion hingga USD 100 bilion telah dibawa keluar oleh etnik Cina dari Indonesia (Wanandi, 2002). Malah ancaman pemisahan juga turut berlaku ketika krisis 1998. Indonesia bukan sahaja kehilangan Timor Timur (1999) tetapi dituruti dengan ancaman pemisahan dari wilayah lain seperti Aceh, Papua Barat, Maluku dan Riau (Wee, 2000).

Oleh itu tidak menghairankan satu jalan keluar ialah memastikan TKI (Tenaga Kerja Indonesia) tetap mendapat peluang pekerjaan di Malaysia, selain negara-negara lain di dunia. Hal ini kerana TKI akan membawa pengaliran wang dari luar kembali ke Indonesia yang sudah tentu akan memberikan kesan kepada ekonomi. Dianggarkan sejumlah USD 3-4 bilion dikiriskan oleh TKI kembali ke Indonesia. Sehingga kini terdapat lebih dua juta TKI serta pendatang tanpa izin dari Indonesia di Malaysia. Berbagai isu yang timbul melibatkan mereka sehingga boleh mengeruhkan hubungan Malaysia-Indonesia. Misalnya terbaru apabila Indonesia juga dilihat begitu agresif dalam menangani isu TKI. Malah Jakarta cuba menyarankan Kuala Lumpur supaya mengadakan gaji minima kepada TKI, sebagaimana yang diperolehi tenaga kerja Filipina di Malaysia. Bagi Indonesia, Malaysia tidak ikhlas dalam menangani isu TKI atau PTI (Pendatang Tanpa Izin). Hal ini disebabkan oleh ramai TKI yang menjadi PTI disebabkan oleh majikan mereka di Malaysia yang tidak memperbaharui levi tahunan yang secara automatik menyebabkan TKI dianiayai. Namun hal ini kemudian diletakkan kesalahan sepenuhnya kepada TKI/PTI (Kaur, 2007; dan Wan Shawaluddin Wan Hassan, Zaini Othman & Ramlee Dollah, 2007).

Dua isu yang memperlihatkan sikap tidak puashati Jakarta. *Pertama*, Jakarta mendakwa bahawa Kuala Lumpur tidak pernah mengambil tindakan ke atas majikan dalam hal ini. Malah yang sering dipersalahkan ialah TKI/PTI. *Kedua*, proses undang-undang melibatkan hukuman ke atas majikan sangat lambat dilaksanakan. Persoalannya apakah isu ini akan membawa kepada masalah dalam hubungan kedua buah negara? Ternyata dengan berlakunya beberapa

peristiwa buruk melibatkan TKI seperti Nirmala Bonat, Ceriyati Dapin, atau dalam insiden polis Malaysia memukul jurulatih karate Indonesia, sentimen di kalangan rakyat Indonesia terhadap Malaysia sangatlah negatif. Bahkan satu demonstrasi didakwa akan diadakan sempena upacara penganugerahan Ijazah Kehormat kepada Dato Najib oleh Universitas Hasanuddin di Makassar tetapi telah dibatalkan pada 10 September 2007.

Selain itu isu Jemaah Islamiah (JI) juga tidak boleh diketepikan dalam memperkatakan Indonesia. JI masih lagi merupakan ancaman besar kepada Indonesia. Memandangkan JI mempunyai rangkaian yang melibatkan rakyat di Malaysia, sudah tentu matlamat perjuangan kumpulan ini mengancam Malaysia. Tambahan lagi Noordin Mat Top, rakyat Malaysia yang terlibat bersama Dr. Azhari, masih lagi bebas. Dengan pembebasan Haji Abu Bakar Ba'ashir yang menafikan pembabitannya dalam JI, bermakna pemimpin sebenar kumpulan radikal ini masih belum diketahui pihak berkuasa Indonesia.

JI merupakan kumpulan pengganas yang mengancam kerana beberapa sebab. *Pertama*, kumpulan ini menggunakan cara yang ganas seperti mengebom sasaran awam yang boleh menghuru-harakan keadaan sebagaimana beberapa insiden seperti Bali (2002), Jakarta (2003) dan Bali (2004). *Kedua*, JI mempunyai jaringan kerjasama dengan kumpulan pengganas lain di rantau ini seperti Kumpulan Abu Sayyaf serta mendapat bantuan kewangan kumpulan Al-Qaeda. *Ketiga*, JI mempunyai cawangan di Malaysia, Singapura dan selatan Filipina. Namun sehingga kini pihak berkuasa di Jakarta masih belum dapat menjejaki kumpulan ini sepenuhnya.

JI bukan merupakan satu-satunya kumpulan yang boleh mengancam keselamatan. Di Indonesia, misalnya, Lashkar Jihad merupakan sebuah kumpulan yang digeruni kerana boleh digerakkan dan membantu umat Islam yang terperangkap dalam konflik etnik. Mereka muncul di hadapan umum dengan pedang pada 6 April 2000 di Stadium Utama Senayan, Jakarta mengisytiharkan akan melancarkan jihad membantu saudara se-Islam yang memerlukan bantuan mereka di pulau Maluku (Noorhaidi, 2005). Pengaruh kumpulan ini sangat besar dalam membantu penduduk Islam di pulau Maluku yang berkonflik dengan penduduk beragama Kristian yang telah mengorbankan lebih 9,000 nyawa (Schulze, 2002). Kemuncak konflik didapati seramai 7,000 anggota Lashkar Jihad di Ambon membantu penduduk Islam. Malah kumpulan ini juga terlibat di Poso dan Palu, Sulawesi. Kumpulan yang dipimpin oleh Jaafar Umar Thalib terdiri daripada pelajar dan veteran yang pernah mendapat latihan di Afghanistan, Kashmir dan selatan Filipina. Mereka juga diberikan latihan ketenteraan oleh bekas anggota militer. Masalahnya, Lashkar Jihad lengkap bersenjata, mendapat latihan serta cukup kesediaan berjuang dan berjihad jika saudara se-Islam diperangi penganut agama lain.

Namun apa yang menghairankan hal ini berlaku di dalam sebuah negara berdaulat dan persoalannya ialah kenapa drama kemunculan kumpulan seperti Lashkar Jihad berlalu tanpa sebarang cabaran daripada pihak berkuasa? Bahkan Jaafar Umar Thalib telah dengan bangga menyatakan mendapat

bahawa ia dapat bekerjasama dengan pihak tentera dalam menghantar anggota Lashkar Jihad ke Maluku. Walaupun setakat ini kumpulan ini cuma beroperasi di Indonesia namun kecenderungan untuk membantu saudara Islam yang memerlukan bantuan memungkinkan mereka tidak boleh dipandang ringan (Islam, 2005). Dengan lain perkataan, mereka boleh mengancam keselamatan Malaysia.

Di samping itu Indonesia juga merupakan sebuah negara yang sering dilanda bencana alam. Jika Bangladesh berhadapan dengan bencana alam seperti *cyclone* dan banjir monsun, Indonesia pula kini berhadapan dengan ancaman gempa bumi (diiringi tsunami) dan letupan gunung berapi. Gempa bumi berskala 8.9 *richter* yang melanda Aceh pada Disember 2004 telah mengorbankan lebih 122,361 nyawa serta kemusnahan bernilai USD 4.45 bilion, iaitu 97% KDNK Aceh (dalam rencana "Indonesia" available at <http://www.adb.org/tsunami/ind-damage.asp>, 23/11/2007). Sejak gempa bumi dan tsunami yang berlaku itu, Indonesia telah berulang kali berhadapan dengan ancaman gempa bumi. Terbaru ialah pada 13 September 2007 dengan ukuran 7.0 *richter*.

Di samping itu Indonesia turut berhadapan dengan ancaman letupan terbaru, iaitu gunung berapi Kelud yang dikatakan akan meletus. Indonesia mempunyai sebanyak 129 gunung berapi yang masih aktif. Gunung berapi ini terdapat di pulau Jawa (21), pulau Sumatera (12), Nusa Tenggara (20), Laut Banda (9), Sulawesi Utara (6), Halmahera (5), dan Sangihe (5). Dengan ini Indonesia berhadapan dengan ancaman bencana alam yang sudah tentu berkemungkinan melanda pada bila-bila masa (dalam rencana "Volcanoes" available at <http://www.vsi.esdm.go.id/volcanoes/index.htm>, 31/10/2007). Persoalannya adalah bagaimanakah ancaman bencana alam ini kepada keselamatan negara Malaysia? Jika bencana alam ini berlaku, sudah tentu hal ini akan menyebabkan *exodus* penduduk akan berlaku di pulau Jawa atau pulau Sumatera. Dalam hal ini kebarangkalian Semenanjung Malaysia akan menjadi tumpuan selain pulau Kalimantan serta pulau-pulau berhampiran lain tidak dapat diketepikan. Bayangkan, insiden gunung Krakatau yang sudah meletus pada tahun 1883 akan terjadi semula kepada pulau Jawa yang mempunyai 124 juta penduduk. Sudah tentu satu skenario kelamkabut tidak dapat dielakkan akan berlaku di rantau ini.

THAILAND

Malaysia mempunyai sempadan sejauh 506 km dengan Thailand. Negara yang teruk dilanda krisis kewangan tahun 1997/1998 ini merupakan antara negara yang menunjukkan pencapaian positif dengan mengalami pertumbuhan ekonomi 6.9% (2003) dan 6.1% (2004). Kadar pengangguran pada tahun 2006 cuma 2.1% dengan 10% penduduk berada di bawah paras kemiskinan. Dari segi sejarah, kedua buah negara (Malaysia dan Thailand) telah berhadapan dengan dua isu, iaitu (1) *Malayan Communist Party* atau MCP dan (2) kumpulan pemisah Patani. Malaysia menganggap MCP sebagai

ancaman kepada keselamatan negara. Hal ini kerana PKM (Parti Komunis Malaya) telah mengisytiharkan perjuangan sejak 1948 untuk membentuk sebuah negara Republik Sosialis Malaya. Sejak itu PKM telah melancarkan pemberontakan terhadap Britain yang telah menyebabkan pengisytiharan Darurat pada tahun 1948.

Pada tahun 1953, PKM telah berundur ke sempadan Malaysia-Thailand bagi meneruskan perjuangan (Stockwell, 2006). Malah selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31hb Ogos 1957, Darurat masih lagi belum tamat dan PKM tetap mengancam keselamatan negara. Selepas merdeka, ancaman tetap diteruskan oleh PKM dan perkara ini menyebabkan pihak tentera Malaysia terpaksa dikerahkan ke sempadan bagi mengawal kegiatan PKM. Bangkok membenarkan PKM bebas menggunakan sempadan untuk melancarkan serangan. Namun ancaman PKM telah tamat dengan termetri Triti Hatnyai pada tahun 1989 yang telah diusahakan dengan kerjasama Thailand (Wyatt, 2003). Sejak 1989 anggota-anggota PKM yang telah dibubarkan memilih untuk tinggal di Weng, sebuah pekan di Thailand. Mereka telah diberikan sebidang tanah oleh kerajaan Thailand untuk diusahakan. Soalnya apakah mereka mampu menggugat keselamatan negara? Sejauhmanakah kebenaran kata-kata “sekali komunis, selama-lamanya komunis?”.

Namun kumpulan pemisah Patani merupakan isu yang sangat menjejaskan hubungan Malaysia dan Thailand. Gerakan ini tercetus sebagai reaksi kepada penaklukan Siam dan dasar asimilasi yang dilaksanakan oleh Bangkok ke atas orang-orang Melayu di empat wilayah, iaitu Patani, Yala, Narathiwat dan Satun. Dasar men-Siam-kan orang Melayu di empat wilayah itu telah menimbulkan penentangan orang Melayu Patani sejak tahun 1786 lagi dengan kemuncaknya terbentuk beberapa kumpulan pemisah (Nik Rakib Nik Hassan, 2003). Di antara kumpulan pemisah tersebut ialah Barisan Nasional Pembebasan Patani atau BNPP (1959), Barisan Revolusi Nasional atau BRN (1963), *Patani United Liberation Organisation* atau PULO (1968) dan Bersatu yang dibezakan oleh berbagai ideologi. Tahun 1960-an dan 1970-an merupakan kemuncak gerakan pemisah. Sejak 1980-an gerakan menjadi semakin kendor apabila Bangkok memperkenalkan program pengampunan kepada pengganas komunis serta puak pemisah (Melvin, 2007). Situasi ini kekal sehingga Januari 2004 dengan insiden di Patani yang menandakan bermulanya kembali pergolakan di empat wilayah selatan Thailand.

Soalnya bagaimanakah gerakan pemisah boleh memberi kesan ke atas hubungan Malaysia-Thailand? Seperti yang diketahui, pihak pemisah terdiri dari etnik Melayu yang beragama Islam. Mereka mempunyai ramai saudara mara, sama ada di Kelantan dan Kedah mahupun Perak. Malaysia sering menjadi tumpuan kumpulan pemisah melarikan diri, terutama bila diburu oleh pihak berkuasa Thailand (Pitsuwan, 1985). Malah pernah timbul kebimbangan Malaysia mengenai kemungkinan berlaku kebanjiran pelarian dari kawasan konflik ke Malaysia meskipun hal ini tidak berlaku. Oleh itu tidak menghairankan mengapa Bangkok sering menuduh Malaysia memberikan

perlindungan kepada puak pemisah Patani. Dan hal ini berlaku sejak sebelum insiden 2004 lagi. Misalnya sejak 2004, Perdana Menteri Thaksin Shinawarta telah beberapa kali membuat tuduhan bahawa Kuala Lumpur membantu pihak pemisah, biarpun perkara ini sering dinafikan oleh Malaysia. Tuduh-menuduh di antara kedua buah negara telah membawa kepada ketegangan di antara Kuala Lumpur dan Bangkok sehinggalah apabila Thaksin Shinawarta telah disingkirkan oleh pihak tentera dalam rampasan kuasa pada Oktober 2006. Meskipun kerajaan baru cuba menangani konflik di wilayah selatan Thailand, namun sehingga kini masih belum menunjukkan sebarang perubahan drastik. Angka korban telah mula mencecah 2,800 orang dengan sebahagian daripada mereka terdiri daripada orang-orang Melayu (McFargo, 2007).

Namun sesuatu yang positif ialah usaha telah dibuat oleh Bangkok untuk membaiki hubungan dengan Malaysia. Kedua belah pihak telah cuba bekerjasama mencari penyelesaian dalam konflik tersebut. Malah Bangkok menerima usaha yang telah dilakukan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Mahathir Mohamad, untuk mencari penyelesaian konflik (Jory, 2007). Jelas sekiranya Thaksin Shinawarta masih berkuasa, kemungkinan konflik di antara Malaysia-Thailand tidak boleh dielakkan.

Dalam konteks ini J. Giraldo & H. Trinkunas (2007) menjelaskan bahawa kumpulan pemisah cenderung terlibat dengan jenayah transnasional bagi membiayai perjuangan mereka. Namun keuntungan bukan merupakan matlamat mereka, kerana yang penting mereka dapat menjana pendapatan bagi menyokong gerakan. Oleh itu kumpulan pemisah sering dikaitkan dengan kumpulan jenayah transnasional seperti penanaman dan pengedaran dadah misalnya. Penglibatan dalam penanaman dan pengedaran dadah penting bagi membiayai kumpulan pemisah untuk membeli senjata yang diperlukan dari pasaran gelap. Dalam hal ini sudah tentu kumpulan pemisah Patani tidak terkecuali dituduh terlibat sama dalam pengedaran dadah di Thailand. Misalnya, Bangkok menuduh bahawa kumpulan pemisah terbabit dalam pengedaran dadah dan kemudian telah membuat pelaburan dalam perniagaan peralatan pembinaan di Kelantan, Malaysia (rencana "Cops" dalam *The Sun*, 19/11/2007). Sudah tentu tuduhan begini boleh merosakkan reputasi kumpulan pemisah yang sudah boleh menyebabkan sokongan saudara mara mereka di Malaysia berbelah bagi.

Di samping itu, sempadan Malaysia-Thailand merupakan laluan penting yang digunakan oleh kumpulan penjenayah transnasional. Bukan sahaja senjata atau dadah dibawa masuk dari Thailand tetapi juga penyeludupan haram manusia ke negara Malaysia ini. Ribuan warganegara daripada Myanmar, Bangladesh dan Nepal menunggu di beberapa bandar di sempadan Thailand untuk diangkut ke Malaysia secara haram (Ganesan, 2001). Akhbar *Daily Express*, misalnya, pada 1hb November 2007 membuat berita "Myanmars Fleeing to Malaysia" dan melaporkan bahawa warganegara Myanmar, terdiri daripada kanak-kanak serta orang dewasa, telah ditangkap di sempadan Thailand-Malaysia. Perkara ini menunjukkan bahawa aktiviti ini memang giat

berlaku tetapi cuma beberapa kes sahaja yang dapat dikesan. Persoalan yang timbul adalah kenapa pihak Thailand tidak bertindak ke atas warga asing ini? Seolah ada sesuatu yang tidak kena di pihak Thailand. Kehadiran warga asing ini sudah tentu akan menambahbanyakkkan lagi pendatang tanpa izin yang sudah pun mencecah jumlah yang besar di Malaysia.

FILIPINA

Negara yang memiliki 7,107 buah pulau ini bersempadankan dengan Sabah di pulau Borneo. Mempunyai lebih 91 juta penduduk dengan sebahagian besar, iaitu 90 peratus beragama Kristian Katolik. Sebagaimana Thailand dan Indonesia, Filipina juga merupakan antara beberapa buah negara yang mengamalkan demokrasi sejak kejatuhan regim Marcos pada tahun 1986 di tangan Corazon Aquino. Meskipun telah mengamalkan demokrasi sejak itu, namun Filipina tidak stabil. Korupsi, kemiskinan dan kuatnya institusi militer menyebabkan regim demokrasi Filipina sangat lemah. Pihak militer telah beberapa kali cuba merampas kuasa. Malah pembunuhan politik merupakan sesuatu yang masih berleluasan dan berterusan berlaku.

Dari segi ekonomi, Filipina bergantung kepada kiriman wang daripada warga yang bekerja di luar negara, yang mengirim sejumlah USD 7-8 bilion setahun. Pertumbuhan ekonominya sebanyak 5.9 peratus setahun. Filipina merupakan salah sebuah negara yang tidak mengalami kemelesetan ekoran krisis ekonomi tahun 1997. Empat puluh peratus penduduk masih hidup dalam kemiskinan dan kadar penganggoran sebanyak 11.4 peratus (2004). Masalah Filipina ialah kadar pembangunan yang tidak serata, terutama di selatan Filipina. Hal ini disebabkan oleh konflik yang masih berterusan berlaku di antara pemerintah dengan pihak pemisah Moro-Islam. Memandangkan pulau Mindanao didominasi oleh penduduk Moro, menyebabkan pemerintah tidak memberikan perhatian kepada wilayah ini. Oleh itu wilayah Mindanao merupakan kawasan yang kurang membangun berbanding wilayah lain di Filipina.

Meskipun Manila telah memberikan status autonomi kepada beberapa kawasan di wilayah Mindanao, namun kemiskinan masih membelenggu wilayah ini. Manila menyalahkan rasuah Nur Misuari sebagai punca kegagalan wilayah ini dibangunkan. Biarpun autonomi telah diberikan namun sekumpulan pejuang Moro masih lagi berkonflik dengan Manila. Kumpulan *Moro Islamic Liberation Front* (MILF) dipimpin oleh Haji Murad setelah kematian pemimpin lama, Hashim Salamat. MILF menguasai sebahagian kawasan di Mindanao (Mindanao, kepulauan Sulu serta mendapat sokongan penduduk Islam). Meskipun begitu, MILF dianggap sebagai kumpulan teroris oleh Washington, Amerika Syarikat, serta bekerjasama dengan kumpulan Abu Sayyaf, meskipun perkara ini dinafikan oleh mereka (Quimpo, 2007). Namun bagi Zachary Abuza (2005), kerana kumpulan ini tidak lagi dibiayai oleh negara seperti Libya telah menyebabkan mereka terpaksa bekerjasama, sama ada

dengan kumpulan Al-Qaeda dan Jemaah Islamiah mahupun dengan kumpulan Abu Sayyaf.

Walaupun sejak 2004 Malaysia telah menjadi orang tengah kepada kedua-dua pihak membuat perundingan, namun belum mencapai sebarang persetujuan. Selagi perjuangan kumpulan belum mencapai matlamatnya, ia bermakna wilayah selatan Filipina akan tetap bergolak dan hal ini akan menyebabkan kemunduran akan berterusan (berita "A Bold" dalam *New Straits Times*, 2/11/2007). Dalam hal ini B.R. Barcani (2005), misalnya, menyentuh dua cabaran yang bakal menggagalkan rundingan damai ini, iaitu golongan berkepentingan yang tidak mahu rundingan berjaya serta ketiadaan sumber di pihak kerajaan kerana masalah fiskal yang dihadapi untuk merealisasikan pembangunan di wilayah terbabit.

Sejak regim Marcos mengisytiharkan Darurat pada tahun 1972, Malaysia (Sabah) telah menjadi tumpuan pelarian Islam daripada Filipina. Namun selepas keadaan kembali reda di wilayah selatan, Sabah masih menerima pelarian daripada Filipina tetapi kali ini status mereka bukan dianggap sebagai pelarian perang tetapi pelarian ekonomi. Hal ini kerana tujuan kedatangan mereka di Sabah ialah untuk mencari peluang pekerjaan yang terdapat di negara jiran ini. Statistik menunjukkan bahawa pendatang Filipina merupakan warga asing kedua terbanyak di Sabah selepas warga Indonesia. Ada di kalangan pendatang Filipina yang memasuki Sabah secara haram serta ada yang masuk secara sah sebagai pelancong tetapi kemudian tinggal lebih masa. Sektor yang biasa menjadi tumpuan mereka ialah perikanan, pelancongan, binaan serta perladangan sebagai buruh.

Dua sebab mereka boleh dilihat sebagai ancaman kepada keselamatan di Malaysia, iaitu (1) jumlah yang semakin besar di Sabah; dan (2) bilangan yang semakin besar menyumbang kepada kadar jenayah di Sabah. Meskipun mereka tidak banyak terlibat dalam jenayah harta benda tetapi mereka menyumbang kepada kadar besar dalam jenayah seperti pembunuhan atau cubaan membunuh (Ramli Dollah *et al.*, 2003). Malah sebilangan besar penjara telah dipenuhi oleh pendatang Filipina serta Indonesia. Oleh itu tidak menghairankan jika pihak berkuasa Malaysia telah bertindak tegas dengan adanya agensi seperti Pasukan Petugas Khas Persekutuan (PPKP) yang menyelaraskan kerja-kerja menahan serta penghantaran balik pendatang tanpa izin, sama ada dari Filipina atau Indonesia di Sabah (Temubual Pengarah PPKP, 3 /9/2007).

Sehingga kini Sabah masih lagi dituntut oleh Filipina. Dengan kata lain, Sabah masih lagi menjadi sebahagian Filipina. Meskipun Presiden Marcos pernah berjanji untuk melucutkan tuntutan ini tetapi hasrat beliau telah digagalkan oleh Kongres Filipina. Hasilnya sehingga kini Kongres Filipina merupakan satu-satunya institusi yang menggagalkan cubaan melupuskan tuntutan oleh pemimpin tertinggi Filipina. Mengapa? Kerana Sabah menjadi isu kepada ahli politik Filipina yang boleh melonjakkan populariti serta sentimen rakyat kepada mereka.

Tidak hairan mengapa Filipina sehingga kini belum mempunyai konsulat di Sabah bagi menangani banyak isu berkaitan dengan rakyat mereka. Membuka konsulat di Sabah bermakna bahwa Filipina telah menerima Sabah sebagai sebahagian Malaysia. Sebaliknya, Malaysia sudah pun membuka konsulatnya di Davao City sejak 1990-an. Oleh itu tidak seperti Indonesia yang mempunyai konsulat di Kota Kinabalu telah banyak memudahkan urusan warga mereka yang bermasalah. Filipina sebaliknya, menggunakan kaedah menghantar pegawai dari kedutaan Filipina di Kuala Lumpur. Oleh itu berbanding Indonesia, Filipina mengambil masa yang lama untuk memproses dokumen warga mereka, terutama apabila pihak berkuasa melancarkan Ops Nyah (Ramlee Dollah & Marja Azlima Omar, 2006).

Jadi selagi Kongres Filipina belum mengesahkan bahawa tuntutan Filipina telah dilupakan, bermakna bahwa Manila tetap mempunyai hasrat yang boleh diterjemahkan kepada kekerasan sebagai alat jika cara diplomasi gagal. Peristiwa Jabidah barangkali boleh dijadikan pengajaran kepada kita mengenai niat Manila berkenaan.¹ Walaupun tidak siapa yang dapat membuktikan kesahan Jabidah, namun realitinya Marcos pernah mempunyai hasrat dan cita-cita untuk menggunakan kekerasan bagi mengambil Sabah kembali dari Malaysia. Selama ini Manila masih menggunakan diplomasi dalam mendesak tuntutannya ke atas Sabah. Dalam politik antarabangsa, kemungkinan ini tidak boleh ditolak ketepi kerana perang merupakan satu alat yang sering digunakan oleh negara bagi mencapai maksud mereka. Lihat sahaja tindakan yang dilakukan Iraq ke atas Kuwait pada tahun 1990; atau Britain ke atas Argentina pada tahun 1981 dalam isu Kepulauan Falklands.

Dalam perkara lain, Kumpulan Abu Sayyaf (KAS) merupakan kumpulan pengganas yang paling digeruni serta dikehendaki di Filipina. KAS dikatakan mempunyai hubungan yang rapat dengan Al-Qaeda serta Jemaah Islamiyah atau JI (Abuza, 2005). Malah ramai kader JI telah mendapat latihan serta pengalaman perang di selatan Filipina. KAS ditubuhkan pada tahun 1991 oleh Abdul Rajak Abu Bakar Janjalani, dikenali kerana aktiviti penculikan (terutama insiden penculikan pelancong Sipadan dan Pandanan pada tahun 2000) selain pengeboman, pembunuhan dan penculikan paderi serta ahli perniagaan. Ternyata KAS bukan sahaja merbahaya kepada Filipina tetapi juga kepada negara Malaysia kerana tindakan penculikan yang dilakukan oleh mereka. KAS berjaya membuktikan betapa rapuhnya pertahanan negara sehingga mampu dibolosi, bukan sekali tetapi dua kali dalam tempoh beberapa bulan pada tahun 2000.

¹Projek rahasia Manila ini bermula pada tahun 1967 apabila seramai 180 pemuda Tausug dan Samal berumur di antara 18 hingga 30 tahun telah dilatih oleh pihak tentera. Matlamat kumpulan Jabidah ialah untuk di bawa ke Sabah bagi menjalankan kegiatan subversif serta psikologi bagi mempengaruhi rakyat Sabah. Walau bagaimanapun, rancangan ini gagal kerana timbul perasaan tidak puashati di kalangan pemuda tersebut dan berakhir dengan pembunuhan mereka yang terlibat. Marcos menafikan pembabitannya dalam rancangan ini.

Meskipun ramai pemimpin yang terlibat dengan peristiwa penculikan Sipadan-Pandanan telah mati dibunuh oleh pihak berkuasa Filipina, kumpulan ini masih dilihat mengancam dan boleh menimbulkan masalah keselamatan, bukan sahaja kepada Filipina tetapi juga kepada Malaysia. Hal ini disebabkan oleh perairan Malaysia yang terlalu dekat dan kebanyakan anggota kumpulan ini cukup fasih mengenai selok-belok perairan Sabah. Disebabkan tindakan ganas yang dilakukan, KAS telah diperangi oleh pihak berkuasa Filipina. Tindakan pihak berkuasa Filipina, misalnya pada bulan Ogos 2007, telah menyebabkan kumpulan ini terpaksa melarikan diri dari tempat persembunyian mereka di pulau Jolo dan Basilan.

Meskipun kawalan keselamatan di perairan Sabah telah dipertingkatkan namun kemungkinan KAS akan melarikan diri ke Sabah atau menjadikan Sabah sebagai transit untuk ke tempat lain tidak boleh diketepikan. Malah KAS juga mempunyai keupayaan untuk melancarkan satu lagi penculikan sepertimana tahun 2000 jika kita leka mengawal sepenuhnya perairan negara. Dengan mempunyai ramai pendatang Filipina di Sabah yang bersimpati dengan perjuangan KAS, kemungkinan mereka ini akan menjadi penyampai maklumat kumpulan penganas juga tidak boleh ditolak.

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada perbincangan dan analisis yang telah dilakukan, jelas menunjukkan kepada kita bahawa ancaman keselamatan sesebuah negara [dalam konteks ini Malaysia] boleh muncul daripada pelbagai sumber dan dimensi; dan ini termasuklah fenomena ketidakstabilan sosio-politik dan sosio-ekonomi sesebuah negara, khususnya negara jiran. Dalam konteks ini Malaysia, sebagai sebuah negara yang dinamik membangun dari sudut ekonomi-politik dan stabil dari sudut ekonomi-politik dalaman, tidak boleh *complacent* terhadap situasi *weak-state* negara jiran yang boleh menjadi duri-dalam-daging terhadap keselamatan dan keutuhan negara-bangsa Malaysia.

Namun pada masa yang sama, kita juga tidak boleh menolak sama sekali dimensi bahawa negara *strong-state* bukanlah satu ancaman kepada keselamatan negara, jika tidak masakan Singapura [diklasifikasikan sebagai *strong-state*] sering menimbulkan ancaman keselamatan kepada negara Malaysia ini.

Bibliografi

- Abuza, Zachary. (2005). "The Moro Islamic Liberation Front (MILF) and Security in Southeast Asia" dalam *Report*. Manila: United States Institute of Peace.
- Barcani, B.R. (2005). "The Mindanao Peace Talks: Another Opportunity to Resolve the Moro Conflict in the Philippines" dalam *Special Report*, No.131. Manila: United States Institute of Peace.

- Berita "A Bold Blueprint for Peace: Security in Sulu" dalam *New Straits Times*. Kuala Lumpur: 2 November 2007.
- Berita "Myanmars Fleeing to Malaysia" dalam *Daily Express*. Kota Kinabalu: 1 November 2007.
- Ganesan, N. (2001). "Thailand's Relations with Malaysia and Myanmar: Post Cold War Southeast Asia" dalam *Japan's Journal of Political Science*, No.2.
- Giraldo, J. & Harold Trinkunas. (2007). "Transnational Crime" dalam Alan Collins [ed.]. *Contemporary Security Studies*. Oxford: Oxford University Press.
- Jackson, Richard. (2007). "Regime Security" dalam Alan Collins [ed.]. *Contemporary Security Studies*. Oxford: Oxford University Press.
- Jory, Patrick. (2007). "From Melayu Patani to Thai Muslim: The Spectre of Ethnic Identity in Southern Thailand" dalam *Asian Research Institute Working Paper*, No.84 [January].
- Islam, Syed Serajul. (2005). *The Politics of Islamic Identity in Southeast Asia*. Singapore: Thomson.
- Kaur, Amarjit. (2007). "Refugees and Refugee Policy in Malaysia" dalam *UNEAC Papers*, No.18.
- McFargo, Duncan. (2007). *Rethinking Thailand's Southern Violence*. Singapore: NUS [National University of Singapore] Press.
- Melvin, Neil. (2007). "Conflict in Southern Thailand: Islamism, Violence and the State in the Patani Insurgency" dalam *SIPRI Policy Paper*, No.20 [September].
- Nik Rakib Nik Hassan. (2003). "Siamisasi Masyarakat Melayu di Selatan Thailand: Kajian Kes di Kampong Duku Daerah Bachok, Narathiwat". Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Noorhaidi. (2005). *Laskar Jihad: Islam, Militancy and the Quest for Identity in Post-New Order Indonesia*. Leiden: International Institute for Asian Studies.
- Pitsuwan, Surin. (1985). *Islam and Malay Nationalism: A Case Study of the Malay Muslim of Southern Thailand*. Bangkok: Thai Kadi Research Institute, Thammasat University.
- Quimpo, Nathan Gilbert. (2007). "The U.S. and the Southern Philippines Quigmire" dalam *Asia Research Centre Working Paper*. USA: University Murdoch, July.
- Ramli Dollah et al. (2003). "Pendatang Filipina di Sabah: Satu Pemerhatian dari Sudut Keselamatan" dalam *Jurnal Jati*, ms.217-240.
- Ramli Dollah & Marja Azlima Omar. (2006). "Indonesia dan Filipina dalam Konteks Keselamatan Sabah". *Kertas kerja* dalam Bengkel Kajian Persempadanan di Negeri Sabah. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 6-7 November.
- Rencana "Cops: Drug Dealer Has Business in Kelantan" dalam *The Sun*. Kuala Lumpur: 19 November 2007.
- Rencana "Indonesia: Preliminary Damage and Loss Assessment". Available also at <http://www.adb.org/tsunami/ind-damage.asp> [Dilayari di Kota Kinabalu, pada 1 November 2007].
- Rencana "Volcanoes in Indonesia". Alailable also at <http://www.vsi.esdm.go.id/volcanoes/index.htm> [Dilayari di Kota Kinabalu, pada 31 Oktober 2007].
- Ricklefs, M.C. (2001). *A History of Modern Indonesia Since c. 1200*. London: Palgrave, 3rd edition.
- Rotberg, Robert I. (2005). "Failed States, Collapsed States, Weak States: Causes and Indicators" dalam Robert I. Rotberg [ed.]. *State Failure and State Weakness in a Time of Terror*. Washington D.C.: Brookings Institution Press.
- Schulze, Kirsten E. (2002). "Laskar Jihad and the Conflcit in Ambon" dalam *Brown Journal of International Affairs*, Vol.IX (1), Spring, ms.57-69.
- Stockwell, A.J. (2006). "Chin Peng and the Struggle for Malaya" in *The Royal Asiatic Society*, Series 3, 16(3), ms.279-297.
- Temubual dengan Pengarah PPKP (Pasukan Petugas Khas Persekutuan). Kota Kinabalu, Sabah: 3 September 2007.
- U.S. Chamber of Commerce. (2007). "Indonesia". Available also at <http://www.uschamber.com/international/asia/southeastasia/indonesia> [Dilayari di Kota Kinabalu, pada 31 Oktober 2007].

- Wanandi, Jusuf. (2002). "Indonesia: A Failed State?" dalam *The Washington Quarterly*, Vol.25, No.3, ms.135-146.
- Wan Shawaluddin Wan Hassan, Zaini Othman & Ramli Dollah. (2007). "Pemerintah dan Pendatang Asing". *Kertas kerja* yang telah dibentangkan di Seminar Sabah sempena 50 Tahun, UiTM Kota Kinabalu, 4-5 September.
- Wee, Vivienne. (2002). "Will Indonesia Hold? Past, Present and Future in a Fragmenting State" dalam *City University of Hong Kong Working Paper Series*, No.34 [October].
- Wong, Jean. (2007). "Economic Relations between Indonesia-Malaysia: Application of Economic Potentials to Develop Local Economy". *Kertas kerja* yang dibentangkan dalam Seminar Refleksi 50 Tahun Hubungan Diplomatik Indonesia-Malaysia. Makassar: Universitas Hassanuddin, 11 September.
- Wyatt, David K. (2003). *A Short History of Thailand*. Chiangmai: Silkworm Books, 2nd edition.



Malaysia berjiran dengan lima buah negara iaitu Indonesia, Thailand, Filipina, Brunei Darussalam dan Singapura. Ancaman keselamatan sesebuah negara [dalam konteks ini Malaysia] boleh muncul daripada pelbagai sumber dan dimensi; dan ini termasuklah fenomena ketidakstabilan sosio-politik dan sosio-ekonomi sesebuah negara, khususnya negara jiran.